

NEGARA ISLAM

.....Apa alasannya umat Islam mesti menerima “Pancasila” sebagai dasar negara, pada hal Pancasila itu pun hanyalah milik satu pihak sahaja, yang tidak mewakili lain-lain golongan yang ada dalam negara kita? Faham hidup kami umat Islam tidaklah tercermin oleh Pancasila itu – kata Tuan Haji Muhammad Natsir, Ketua Umum Masyumi, dalam pidatonya di persidangan Konstituanti baharu-baharu ini. Cabutan dari ucapannya itu adalah seperti berikut:

Apakah negara itu?

“negara” itu dengan mengemukakan sifat-sifat ataupun

Dalam menjawab pertanyaan ini kita tidak akan

unsur-unsur yang terkandung dalam suatu negara.

memasukkan persoalan asal-timbulnya negara ataupun

Negara ialah suatu “institution” yang

yang mengenai hasilnya di kemudain hari. Orang-orang

mempunyai hak, tugas dan tujuan yang khas.

Komunis mengharapkan supaya negara itu lenyap

Apakah Institution itu?

apabila tujuan terakhir mereka tercapai. Orang anarkis

Institution dalam erti am ialah sebuah badan

ingin menghapuskan negara selekas mungkin. Kita

atau pertubuhan yang mempunyai tujuan khas serta

umat Islam berpendirian wajib memelihara negara selama

dilengkapi oleh alat-alat kebendaan dan peraturan-peraturan

manusia ada di dunia.

yang tersendiri, dan di akui oleh umum.

Apa yang dimaksudkan dengan perkataan “negara” atau

Kita dapat mengambil contoh umpamanya Institution

pun dalam bahasa Inggeris “City”? Kita tidak

perkahwinan kita. Kita mempunyai kadi-kadi dan pegawai-pegawai

akan memberikan keterangan yang panjangnya satu kalimah. Ini

lainnya untuk melaksanakan perkahwinan. Selain itu

tidak akan menjelaskan pengertian kita, lebih-lebih lagi

kita harus mempunyai alat-alat kebendaan seperti gedung,

oleh kerana banyaknya pandangan yang berlainan mengenai faham

masjid, alat-alat pentadbiran dan lain-lainnya. Demikian juga

apa negara itu. Ibn Khaldūn, Machievelli, Hegel.

kita harus mempunyai peratura-peraturan yang mengurus

Marx, Adam Smith, Robert Uwin. Demikian pula

sesuatu perkahwinan. Ini semua mempunyai kedudukan

Plato, Agustinus, Hobbes dan Rousseau, dan

untuk mencukupi keperluan masyarakat. Selain dari

yang lain-lain mempunyai pandangan yang bermacam-macam tentang negara.

itu tujuan dan peraturan-peraturan perkahwinan tersebut

Mengingat banyaknya tafsiran tentang negara ini, maka

berdasarkan faham hidup yang tertentu. Segala yang tersebut

eloklah kita membataskan diri dalam menjelaskan erti

di atas ialah apa yang dimaksudkan dengan perkataan

“institution”.

Di dalam sesuatu masyarakat terdapat bermacam-macam Institution, seperti Institution pelajaran-pelajaran agama, ekonomi, politik, seni, family, pergaulan, dagang dan sebagainya. Pendeknya Institution- Institution ini merupakan bahagian-bahagian pertubuhan-pertubuhan hidup dalam rangka badan hidup yang besar. Tetapi Institution itu mempunyai daerah gerak-gerinya yang tertentu, mempunyai keanggotaan, dan mempunyai kedaulatan atas anggotanya.

.....Jelasnya Institution itu ialah suatu badan atau pertubuhan yang:

- A) Bertujuan untuk mencukupi keperluan masyarakat di lapangan jasmani dan ruhani.
- B) Diakui oleh masyarakat
- C) Mempunyai alat-alat untuk melaksanakan tujuan.
- D) Mempunyai peraturan-peraturan dan nilai-nilai yang tertentu.
- E) Berdasarkan faham hidup.
- F) Mempunyai keanggotaan.
- G) Mempunyai daerah berlakunya.
- H) Mempunyai kedaulatan atas anggota-anggotanya, dan
- I) Memberikan hukuman terhadap beberapa perlanggaran atas peraturan-peraturan dan nilai-nilainya.

Demikian pula negara, sebagai suatu Institution mempunyai juga:

- (1) Had-had sempadannya, (2) Rakyat, (3) Pemerintah,
- (4) Kedaulatan, (5) Undang-undang dasar, atau suatu sumber hukum dan kekuasaan lain yang tidak tertulis.

Ia: (1) Meliputi seluruh masyarakat dan segala Institution yang terdapat dalamnya, (2) Ia mengikat atau pun menyatukan Institution-Institution itu dalam suatu peraturan hukum, (3) Menjalankan kerjasama hubungan dalam seluruh masyarakat; (4) Mempunyai hak untuk

memaksa anggotanya mengikuti peraturan dan hukum-hukum yang telah ditentukan olehnya, dan (5) mempunyai tujuan untuk memimpin memberi bimbingan dan memenuhi keperluan masyarakat keseluruhannya.

Mengingat hal-hal yang tersebut, maka benarlah apa yang dikatakan oleh Ibnu Khaldun, bahawa erti negara terhadap masyarakat samalah dengan erti bentuk (*'Araq*) terhadap benda (*Jawhar*). Yang satu tidak dapat terlepas dari yang lain.

Nyatalah bagi kita bahawa negara itu harus mempunyai akar yang langsung tertanam dalam masyarakat. Oleh kerana itu dasar negara pun harus sesuatu faham yang hidup, yang dijalankan sehari-hari, yang terang dan dapat difaham. Pendek kata, yang menyusun hidup sehari-hari rakyat, baik perseorangan ataupun ramai.

Undang-undang dasar mestilah berurat akar

Kita sudah mempunyai negara. Maka teranglah di dalam menyusun suatu undang-undang dasar bagi negara kita, dan untuk mencapai hasil yang memuaskan, mustahak kita bertolak dari pokok fikiran yang pasti, iaitu undang-undang dasar bagi negara kita itu, mestinya menempatkan negara dalam hubungan yang seerti-ertinya dengan masyarakat yang hidup di negeri kita. Tegasnya undang-undang dasar negara itu hendaklah berurat berakar dalam kalbu iaini berurat berakar dalam ilmu fikiran, ilmu perasaan dan ilmu kepercayaan serta falsafah hidup dari rakyat dalam negara kita.

Dasar negara yang tidak memenuhi syarat yang demikian itu, tentulah menempatkan negara terumbang ambing dan tidak duduk atas sendi-sendi yang kukuh.

Antara lain, dalam pidatonya itu, Tuan Haji Muhammad Natsir berkata lagi:

Yang anehnya ialah apabila dasar demokrasi itu dipergunakan untuk mengahdapi Islam sebagai satu faham yang ada dalam negara, maka orang menyimpang daripadanya, lalu berkata:

“Jangan dipakai Islam sebagai dasar negara, sebab Islam itu adalah satu golongan di negeri kita, sedang di negeri kita ada lain-lain golongan yang bukan Islam.” Demikian pati dari alasan yang dikemukakan oleh mereka.

Penolakan itu, kata Tuan Haji Muhammad Natsir lagi, bukan didasarkan kepada penilaian tentang keelokkan isi dan sifat dari faham hidup Islam, bukan juga didasarkan kepada soal-soal-berakar atau tidaknya faham hidup itu dalam jiwa rakyat yang terbanyak yang diakuinya sebagai golongan yang terbesar dalam negara kita. Akan tetapi ditolak kerana faham hidup itu hanya dimiliki oleh satu golongan, tetapi tidak oleh semua golongan.

Kami berpendapat bahawa alasan bagi penolakan yang demikian itu tidak dapat dinamakan sesuai dengan dasar demokrasi.

Alasan yang demikian itu juga, kata beliau lagi, tidak akan berkesan. Sebab, bagaimana pula kalau pihak Islam menjawab: “Ya, dan kita umat Islam apa alasannya? Apa alasannya umat Islam mesti menerima “panca sila” sebagai dasar negar, padahal-panca sila itu pun hanyalah milik satu pihak sahaja, yang tidak mewakili lain-lain golongan yang ada dalam negara kita? Faham hidup kami umat Islam tidaklah tercermin oleh Pancasila itu.

Kesempurnaan sesebuah buku, atau barang-barang percetakkan bukannya bergantung kepada susunan katanya sahaja tetapi bergantung kepada bersih dan baik percetakannya!

Tahukan tuan di mana percetakan Melayu yang terbaik?

Percetakan

Qalam

356/8 Geylang Road, Singapura-14.
Ialah sebuah tempat cetak yang telah membuktikan kerja-kerjanya yang terbaik sekali. Percetakannya mempunyai:

Jentera-jentera automatik yang lengkap; Huruf-hurufnya yang digunakan semuanya menggunakan intertaip – jawi, rumi dan Inggeris –jadi hurufnya sentiasa terang dan baharu. Kertas-kertasnya dilipat dengan jentera pelipat – jilid buku-bukunya dilengkapi dengan jentera-jentera jahit dawai, jahit benang, dan jentera baharu menjilid dengan pelekat.

Pekerja-pekerja daripada pengatur hurufnya membawa kepada semua bahagiannya adalah daripada pekerja-pekerja yang telah cukup berpengalaman.

Upahnya berpatutan, kerjanya cepat dan memuaskan!

Berhubunglah nescaya akan memuaskan hati tuan-tuan.

Sedia menjual-huruf-huruf Melayu dan Rumi yang baik!